



PERDANA MENTERI PUJI TRANSFORMASI KOMUNITI KITA-UNTUK-KITA DI PPR LEMBAH SUBANG 1

LEMBAH SUBANG, 13 Februari 2025 – Dalam satu demonstrasi berkesan konsep Madani, Perdana Menteri Dato’ Seri Anwar Ibrahim hari ini mengunjungi PPR Lembah Subang 1, di mana penduduk telah mengubah ruang bersama menerusi Program Kita-Untuk-Kita (K2K) anjuran Think City. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan kualiti perumahan awam secara fizikal, tetapi juga membina semula sokongan komuniti, melaksanakan pemuliharaan secara inklusif, dan memupuk kepimpinan tempatan—menjadikan modal sosial sebagai aset berharga untuk ketahanan dan kemajuan jangka panjang.

Dengan sokongan Think City, penduduk memainkan peranan aktif dalam memperbaharui persekitaran mereka, membuktikan bahawa perubahan mampan berkembang apabila ia bermula dari dalam komuniti itu sendiri. Kerangka K2K yang tersusun memperkasakan komuniti untuk membentuk persekitaran mereka, selaras dengan rangka kerja Ekonomi Madani kerajaan dengan mengurangkan ketidaksamaan ekonomi, meningkatkan kualiti hidup, dan menyokong pembaharuan bandar yang mampan.

Think City menjadi tulang belakang komuniti PPR ini, bekerjasama rapat dengan penduduk untuk membina semula hubungan komuniti, mendorong pemuliharaan menerusi penyertaan aktif, serta memupuk kepimpinan tempatan yang memberi kesan positif kepada dinamika perumahan—pendekatan yang sering hilang dalam landskap perumahan awam masa kini.

Dato’ Hamdan Abdul Majeed, Pengarah Urusan Think City, berkata, “Perjalanan kami dalam perumahan awam bermula di George Town pada tahun 2010, di mana kami bekerjasama dengan komuniti tempatan dan pihak berkuasa untuk menghidupkan semula ruang bersama menerusi inisiatif yang dipimpin komuniti. Usaha awal ini memperkasakan penduduk untuk mengambil tanggungjawab ke atas persekitaran mereka, membuktikan bahawa walaupun tindakan kecil yang dipimpin penduduk dapat membawa perubahan yang besar—satu manifestasi sebenar 'Kuasa Perubahan Kecil'. Berlandaskan kejayaan ini, kami memperluas model kami ke Kuala Lumpur, menyesuaikan pendekatan kami dengan keperluan unik komuniti perumahan awam di ibu negara. Di Think City, perubahan mampan bukan hanya tentang menaik taraf ruang, tetapi juga memperkukuh jaringan sosial yang menyokongnya.”

Di PPR Lembah Subang 1, penduduk telah mengubah ruang bersama mereka dengan mencantikkan lobi lif dan koridor menerusi projek hiasan kolaboratif yang berwarna-warni. Usaha ini bukan sahaja membuktikan kuasa kepimpinan tempatan tetapi juga mendapat perhatian meluas—meraih jutaan tontonan digital dan pujian ramai. Lobi lif yang diperbaharui kini menjadi pusat aktiviti sosial yang positif, di mana jiran dan kanak-kanak belajar bersama dan meraikan detik bermakna seperti khatam al-Quran. Kejayaan serupa di PPR Kampung Baru Hicom turut membuktikan bagaimana pelaburan strategik dalam aset sosial mampu mencetus perubahan yang mendalam dan berkekalan.



Isham Romli, wakil FORKOM, berkongsi pengalamannya, “Untuk sekian lama, ramai di antara kami merasakan perubahan di luar jangkauan, kerana kami terbiasa dengan cabaran harian tanpa menyedari kuasa yang kami miliki sebagai satu komuniti. Menerusi program K2K, kami sedar bahawa apabila kita bersatu, kita bukan sahaja dapat mengubah persekitaran kita tetapi juga cara kita melihat diri dan potensi kita.

Transformasi ruang awam ini telah memberi kami harapan baharu dan kebanggaan dalam komuniti kami. Jika kami boleh mencapai ini, tiada had untuk apa yang boleh kami lakukan seterusnya,” tambahnya.

Sejak diperkenalkan, K2K telah memberi manfaat kepada lebih 12,000 penduduk di 10 PPR yang terpilih, menggalakkan penglibatan aktif dan memperkasakan komuniti untuk membentuk masa depan mereka sendiri. Dengan 731 aktiviti pemeraksanaan komuniti, termasuk latihan kemahiran, program peningkatan kapasiti, dan inisiatif kepimpinan akar umbi, penduduk telah mengambil tanggungjawab terhadap ruang kediaman mereka. Penubuhan FORKOM di 10 PPR di Kuala Lumpur dan Selangor telah menyediakan platform terstruktur untuk penduduk menyuarakan keprihatinan dan mendorong penambahbaikan setempat. Selain itu, 39 projek penambahbaikan yang diketuai komuniti, meliputi aspek keselamatan awam hingga peningkatan persekitaran, membuktikan kesan nyata pembaharuan bandar secara kolaboratif. Pencapaian ini mengukuhkan K2K sebagai model yang boleh diterapkan untuk transformasi mampan yang dipacu komuniti, selaras dengan visi Madani dalam pembentukan bandar inklusif.

Sebagai penghargaan terhadap usaha penduduk, Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan RM1.2 juta untuk mempercepatkan pembaikan penting di PPR Lembah Subang 1, dengan tumpuan khusus kepada pemulihan lif yang tidak berfungsi. Selain itu, beliau mengumumkan bahawa semua blok kediaman akan dicat semula menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang, memperkukuhkan komitmen kerajaan dalam meningkatkan persekitaran kehidupan untuk semua.

Ketika bandar-bandar di seluruh dunia berlumba-lumba untuk menjadi lebih lestari dan inklusif, program K2K menjadi contoh kepada pembaharuan bandar yang berpusatkan komuniti, membuktikan bahawa pendekatan yang mengutamakan masyarakat adalah kunci dalam mengekalkan masyarakat Madani yang dinamik.

Untuk maklumat lanjut mengenai program K2K, layari thinkcity.com.my atau kita2k.com.

- TAMAT -



Mengenai Think City

Think City ialah sebuah organisasi impak yang ditubuhkan pada tahun 2009 untuk mewujudkan ruang yang lebih mampan dan saksama demi manfaat semua. Pengetahuan, kemahiran, dan strategi kami memberi tumpuan kepada penyelesaian bandar, persekitaran, komuniti sosial, dan ekonomi budaya. Think City adalah anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad (dana kekayaan berdaulat Kerajaan Malaysia). Untuk maklumat lanjut, layari thinkcity.com.my.

Mengenai Program Kita-Untuk-Kita

Diterajui oleh Think City dan digerakkan oleh komuniti, program Kita-Untuk-Kita (K2K) bertujuan meningkatkan kehidupan penduduk perumahan awam. Program ini memanfaatkan kepakaran kolektif daripada rangkaian dan rakan kongsi kami untuk melaksanakan program yang komprehensif dan berimpak tinggi. K2K menyokong komuniti dan pengurusan bangunan dalam menangani cabaran sosial, ekonomi, dan fizikal secara kolaboratif dalam empat bidang kritikal: pemeraksanaan komuniti, pengurusan kolektif, penjanaaan pendapatan, dan pembaharuan polisi.

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Tan Sian Hoo

Pengurus Kanan, Penjenaman & Komunikasi

tan.sianhoo@thinkcity.com.my

+6012 619 0044

Siti Nurshafiqah Hamzah

Eksekutif, Program K2K

Shafiqah.Hamzah@thinkcity.com.my

+6018 661 3676